

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10/4/2014

5 Tahun kepemimpinan Najib

UM-10/4/2014

TANGGAL 3 April 2009 akan terus tercatat dalam sejarah sistem politik dan pentadbiran Malaysia kerana ia melihat peralihan kuasa dari Tun Abdullah Ahmad Badawi kepada Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keenam. Kini, genap 5 tahun Najib menerajui kepimpinan negara.

Beberapa hari sebelumnya, beliau mengambil alih kepimpinan UMNO, sebagai Presiden yang ketujuh bagi parti tersebut. Hakikatnya, ada pasang-surutnya, namun suhu politik tidak sama ketika beliau mengambil baton transisi penukaran kepimpinan. Najib berhadapan dengan keadaan politik tidak menentu, perpaduan antara etnik yang rapuh dan kegawatan ekonomi pada ketika itu.

Hatta, konsep 1Malaysia dilancar pada 5 April 2009 yang menjadi roda untuk menyegerakan keyakinan dan kepercayaan berasaskan kepada kesedaran, kefahaman dan penerapan nilai kesepaduan kewarganegaraan; ia didokongi oleh Pelan Transformasi termasuk Pelan Transformasi Kerajaan, Pelan Transformasi Ekonomi, Model Ekonomi Baru dan perancangan Rancangan Malaysia ke-10 yang menjadi rujukan kepada pentadbiran beliau.

Sepanjang 5 tahun, Najib menjadikan rakyat sebagai paksi pencapaian beliau yakni kesejahteraan dan pembangunan sosial dan ekonomi mereka.

Antaranya, penubuhan Tabung Amanah Saham 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia, 1AZAM (Akhir Zaman Miskin), Kedai Runcit Kecil (TUKAR), Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1MA), 1Malaysia For You (1M4U), 1Malaysia Privilege Card, Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC) dan Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA).

Ia terhasil dari Petunjuk Prestasi Utama yang diperkenalkan agar ada semakan kepada kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang yang membolehkan sokongan terus



Pena
DR. SIVA



Sepanjang 5 tahun, Najib telah merentasi berbagai-bagai isu dan waktu yang sama memperkenalkan agenda baru untuk memelihara kestabilan, namun yang penting adalah pasukan yang ampuh; pasukan yang percaya kepada formula perkongsian kuasa sekian lama

dinikmati. Enam teras Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) iaitu mengurangkan jenayah, memberantas rasuah, peluang pendidikan, taraf kehidupan masyarakat miskin, penambahbaikan infrastruktur luar bandar dan pengangkutan awam menjadi landasan utama kepimpinan beliau; bersesuaian dengan Pelan Transformasi Kerajaan yang dilancar pada Januari 2010 yang mana laporan pencapaiannya diumumkan pada Mac 2013.

Najib juga telah mengemukakan pembentukan Jawatankuasa Pemilih Parlimen untuk membawa transformasi ke atas pilihan raya bersama dengan wakil pembangkang. Malahan, komitmen transformasi juga jelas apabila beliau turut menandatangani Ikrar Integriti Pilihan Raya Transparency International pada 2013.

Perubahan juga dilakukan beliau dalam memerihailu isu sekuriti dan kedudukan warganya. Antaranya, memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA); mengkaji semula Akta Mesin Cetak dan Penerbitan serta Akta Polis 1967, memansuhkan Akta Buang Negeri, Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman dan pindaan Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1974.

Dari lensa ekonomi, beberapa pendekatan diperkenalkan supaya wujud liberalisasi dan mekanisme yang boleh diterima ramai. Malaysia telah menjadi negara pertama memiliki institusi kewangan Islam mega dengan modal berbayar AS\$1 bilion. Begitu juga dengan penubuhan Danajamin Nasional Berhad untuk memudahkan akses kepada pasaran bon.

Garis panduan pelaburan Pelabur Asing juga disediakan supaya pelaburan komprehensif akan dapat diakses. Model Ekonomi

baru dan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera pada September 2013 menggambarkan posisi beliau untuk memantapkan kedudukan ekonomi bumiputera seiring dengan agenda nasional yang lain.

Dari sudut hubungan dengan negara luar, Najib mempamer hubungan jauh lebih diplomatik dalam usaha meraih sokongan berterusan dari negara luar. Ia penting supaya hubungan dalaman dan luaran dapat mengimbangi persaingan yang saling perlu memerlukan antara satu sama lain.

Di samping memperhebatkan kedudukan di ASEAN yang jelas terutama dalam menjadi pengantara memeterai perjanjian damai di Filipina, Najib mendapat pengiktirafan dari kepimpinan Obama di Amerika Syarikat dan pemimpin dari Britain, Perancis, Australia dan Turki.

Bagi negara Asia Tengah dan rantau Arab, Malaysia masih merupakan model contoh. Malahan, Najib menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama bertapak di bumi Palestin. Hubungan ini turut membantu proses pencarian pesawat MH370 yang hilang sejak 6 Mac lalu.

Beberapa laporan boleh dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian Malaysia sepanjang 5 tahun di bawah kepimpinan Najib. Walaupun berhadapan dengan pelbagai keadaan tidak menentu sepanjang pentadbiran beliau, Kajian Global Peace Index 2013 mendapati Malaysia merupakan negara yang ke-29 paling selamat dari 162 negara seluruh dunia.

Apa yang telah dilakukan di sepanjang 4 tahun pertama membolehkan beliau terus diberikan mandat untuk mentadbir negara.

Walaupun berlaku pengurangan 4 kerusi berbanding 137 kerusi Parlimen sewaktu beliau mengambil alih dari Abdullah pada 2009, kemenangan 133 kerusi dari Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 merupakan satu yang diidamkan oleh mana-mana negara dalam konteks politik muktahir dengan iklim politik global yang sentiasa berubah-ubah.

Cabaran Najib pasca 5 tahun mentadbir negara adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya mengekalkan majoriti ini jika PRU diadakan pada tahun 2018 yang kurang 15 kerusi untuk majoriti dua pertiga dan 21 kerusi untuk perubahan kerajaan. Walaupun berhadapan dengan 16 Pilihan Raya Kecil (PRK) sepanjang 2008-2013, ia tidak mengubah sebarang kerangka kuasa sebagaimana dengan 4 PRK yang dihadapi sejak Mei 2013.

Namun, 4 PRK yang dilalui pasca PRU Ke-13 sekurang-kurangnya membolehkan Barisan Nasional (BN) meneliti kekuatan, kelemahan dan ancaman jika mahu melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Begitu juga dengan beberapa isu yang masih menjadi tumpuan yang boleh menjadi dilema ke atas pentadbiran Najib. Isu ini termasuk isu agama, kalimah Allah, air, gula, tol, cukai pintu, tarif elektrik, harga barang, petrol, tambang LRT, tambang bas, Astro dan GST yang memerlukan penjelasan mudah dan difahami kerana ada pihak memanipulasi bukan ke atas dasar tetapi kekurangan maklumat.

Ini juga termasuk dakyah pembunuhan karakter ke atas beliau dan keluarga menunjukkan bahawa ada yang masih bersifat antagonis namun saya percaya ia dilakukan kerana gusar dengan kelemahan sendiri. Aib,

hina dan provokasi biasa dalam alam politik yang diharungi Najib tetapi ia sentiasa cuba diseimbangi dengan kepimpinan berteraskan kepada kepentingan umum dari diri.

Sepanjang 5 tahun, Najib telah merentasi berbagai-bagai isu dan waktu yang sama memperkenalkan agenda baru untuk memelihara kestabilan, namun yang penting adalah pasukan yang ampuh; pasukan yang percaya kepada formula perkongsian kuasa sekian lama.

Parti komponen perlu mengikat semula dengan asas perjuangan parti supaya ada sifat kebergantungan yang setara berpaksikan kepada kekuatan sendiri supaya tidak menyukarkan proses meningkatkan populariti. Ada pemimpin yang menjadi liabiliti dengan kenyataan-kenyataan yang luar biasa dan ada pula yang meletak jawatan dari Kabinet kerana nilai perjuangan yang mudah diramal.

Dalam fasa-fasa yang dilalui oleh Najib sepanjang 5 tahun mentadbir negara, beliau berjaya mengekalkan kestabilan walau sentiasa bertembung dengan keadaan tidak menentu. Pada Mac 2014, Najib diiktiraf memamer kepimpinan berwibawa dan dinobat sebagai arkitek Program Transformasi Kerajaan yang dianugerahkan oleh Caux Round Table (CRT) Certificate of Principled Governance.

Sebagai 'Bapa Transformasi Negara', Najib memegang amanah untuk terus mengemudi negara ke alam yang jauh lebih baik dari keadaan hari ini. Kepimpinan beliau juga tidak terlepas dari ujian tetapi mengurus konflik dan krisis tidak dapat dilakukan berseorangan.

Rakyat sendiri perlu memastikan agenda makmurkan negara dapat dicapai bersama walau mempunyai ideologi yang berbeza kerana masa depan negara-bangsa melangkaui apa jua kepentingan dalam merealisasikan agenda dan gagasan besar pentadbiran beliau yang dahagakan kesejahteraan yang seimbang merentasi alam geografi, garis keetnik dan sifat kependudukannya.